

27 JUN 1998

Gerakan-Keng Yaik

GERAKAN SOKONG USAHA ATASI HEGEMONI KEWANGAN ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 27 Jun (Bernama) -- Parti Gerakan hari ini memberi jaminan untuk terus menyokong perjuangan kerajaan terhadap hegemoni kewangan antarabangsa yang telah membawa krisis kewangan di rantau ini.

Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata hegemoni itu mesti diruntuhkan sekiranya kestabilan dan kesaksamaan hendak dicapai dalam sistem ekonomi dan kewangan antarabangsa.

"Kita berdiri teguh di belakang Perdana Menteri dan menyokong beliau dalam perjuangan terhadap hegemoni kewangan dan ekonomi antarabangsa oleh kuasa-kuasa kewangan monopolistik," katanya ketika berucap pada persidangan perwakilan tahunan ke-27 parti itu di Menara PGRM di sini.

Dalam konteks itu, beliau berkata Malaysia perlu mengadakan pakatan dengan negara-negara jiran dalam mengenalpasti media baru pertukaran-pertukaran untuk membiayai perdagangan antarabangsa.

"Kita perlu mencari jalan untuk menyekat pengaliran spekulatif wang panas di samping mewujudkan suatu suasana yang sesuai bagi kemasukan modal produktif jangka panjang," katanya.

Lebih 2,000 perwakilan menghadiri persidangan dua hari itu, dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN. Para pemimpin 13 parti komponen lain BN hadir pada majlis perasmian itu.

Sambil mengakui kelemahan sendiri terhadap kegawatan ekonomi sekarang, Dr Lim, yang juga Menteri Perusahaan Utama, berkata usaha-usaha untuk mengembalikan semula keyakinan dan memberi kesan kepada pemulihan ekonomi negara, mungkin tidak akan berjaya keseluruhannya, kecuali usaha-usaha pada peringkat antarabangsa juga dijalankan untuk mengawal perdagangan mata wang.

"Saya berpendapat bahawa masyarakat dunia perlu mengakui tentang keadaan kian berbahaya yang kita alami sekarang dan berusaha untuk mengadakan tanpa berlengah suatu struktur yang jelas berhubung dengan pengawalan kewangan dan kerjasama antara kerajaan," katanya.

Mengenai kemudahan kredit yang semakin ketat, beliau berkata cagaran yang diperlukan bagi pinjaman tidak seharusnya bersandarkan aset tetapi seharusnya berdasarkan keupayaan pendapatan masa depan peminjam manakala bagi firma-firma, potensi pendapatan eksportnya.

"Tanpa pemberian kredit atau dengan mengenakan kadar faedah yang terlalu tinggi, mungkin tidak akan dapat menggalakkan pelaburan-pelaburan yang produktif, malah tanpa disedari ia boleh memburukkan lagi keadaan ekonomi sehingga ke tahap kemelesetan," katanya.

Mengenai pendidikan, Dr Lim berkata Gerakan berpendapat pinjaman pengajian tinggi hendaklah diberikan kepada semua yang memerlukan supaya pendidikan akan dapat dijadikan sebagai satu alat berkesan bagi pergerakan terhadap kedudukan dan bukan sebagai satu alat untuk pemindahan kedudukan antara generasi.

"Adalah tidak adil malah boleh juga dianggap kejam untuk menafikan mereka yang mempunyai kelayakan akademik tetapi miskin dari segi ekonomi satu peluang untuk mengikuti pengajian tinggi," katanya.

Lim mencadangkan agar kerajaan menggalakkan bank-bank, perbadanan, yayasan dan parti politik supaya menubuhkan skim pinjaman pengajian tinggi sebagai pelengkap dan sokongan kepada dana pengajian tinggi negara yang ditubuhkan kerajaan baru-baru ini.

Beliau meminta Kementerian Kewangan memberi pertimbangan serius terhadap cadangan itu dengan memberikan pengecualian cukai ke atas

sumbangan yang dibuat kepada skim pinjaman itu.

Mengenai parti, beliau berkata pemilihan peringkat bahagian dan cawangan berjalan tanpa masalah dengan hampir 95 peratus pemilihan dijalankan tanpa sebarang pertandingan.

Lim juga berkata Gerakan telah berjaya mencapai beberapa kemajuan ke arah usaha mempromosikan fahaman kebangsaan di Malaysia dan memerangi fahaman perkauman.

"Tetapi saya perlu menekankan bahawa jalan di hadapan adalah sukar dan perjalanan ke arah destinasi politik terakhir masih jauh dan sukar," katanya.

-- BERNAMA

RV RON